

Lebih santai, bebas protokol

*Dua gadis akui
teruja jadi usher
dalam
pertandingan
bola sepak*

KAMARUL HALIM
M KAMAL

BATU PAHAT

Wanita dan perlawanan bola sepak adalah sesuatu yang agak asing sebelum ini, namun semenjak dua tiga tahun kebelakangan ini ia menjadi perkara biasa.

Ada yang menjadi pemain, penyokong, pegawai media dan sebagainya bagi meraikan sukan yang begitu sinonim dengan lelaki itu.

Salah seorangnya ialah Nurul IzatulFatimah Md Katimin, 21, yang bertugas sebagai *usher* atau penyambut dalam perlawanan akhir Pertandingan Bola Sepak Liga Parlimen Sri Gading, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.



Nurul Izatul (kiri) teruja kerana pertama kali menjadi usher dalam pertandingan bola sepak.

Katanya, itulah penglibatannya yang pertama dalam pertandingan bola sepak.

Bagaimanapun, katanya, menjadi *usher* bukan sesuatu yang asing buat dirinya kerana dia juga terlibat dengan pelbagai program lain.

"Kali ini saya menjadi *ushers* dan ia merupakan satu pengalaman baharu yang cukup berharga.

"Menjadi usher sukan berbeza kerana ia lebih santai dan tidak terlalu terikat dengan protokol," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Aina Nadia Abu Bakar, 25, berkata, sebagai pegawai media pada pertandingan berkenaan dia berpeluang menunjukkan bakatnya dalam bidang yang diminatinya itu.